

Azly pecah rekod lompat tinggi

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

sukan@utusan.com.my

JOHOR BAHRU - Walaupun baru pulih sepenuhnya daripada menjalani pembedahan di bahagian pinggang pada 2014, Mohd. Azly Ghazali berjaya menyumbangkan sebutir pingat emas buat kontinjen Kolej Komuniti Pulau Pinang menerusi acara lompat tinggi selain memperbaharui rekod kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SukIPT) 2016, semalam.

Aksi di Stadium Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Mohd. Azly melakukan lompatan setinggi 2.1 meter, sekali gus memadam rekod lama kejohanan 2.04m pada edisi 2014.

"Saya gembira dengan pencapaian ini walaupun pada mulanya saya melihat saingan bagi acara ini sangat sengit," katanya yang akan meneyrtai Sukan Malaysia 2016 di Sarawak pada pertengahan tahun ini.

Pingat perak bagi acara itu diraih Muhammed Asrayaf Saipu Rahman (Universiti Malaysia Perlis) dan S.Navinraj dari Universiti Putra Ma-



laysia meraih pingat gangsa.

Sementara itu, Nurainun Perangin dari Universiti Negeri Medan meraih pingat emas dalam acara 400m lari berpagar wanita, selain turut mencipta rekod baharu kejohanan dengan catatan 67.49 saat, manakala pingat perak menjadi milik Rosaliah Parsi dari Kolej Komuniti Sabah (67.59s) dan pingat gangsa diraih Layalia Rameli dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan catatan 70.54s.

UiTM turut meraih dua lagi pingat emas dalam acara karate kategori kumite bawah 50 dan 55 kilogram wanita menerusi Nini Erfani Kasman serta Nadzirah Tuah, manakala Jenice Jimir sekadar meraih pingat perak dalam kategori bawah 61kg selepas tewas kepada wakil Management Sciences University (MSU), M. Ilavarasa.



AKSI Mohd. Azly Ghazali ketika melakukan lompatan yang membolehkannya memenangi pingat emas dan memecah rekod temasya pada SukIPT 2016 di Stadium UTM, Skudai, semalam. - UTUSAN/MOHD. HAZROL ZAINAL